

Mukhriz enggan ulas desakan mohon maaf

UM - 23/11/2006

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir enggan mengulas desakan supaya beliau memohon maaf berikutan kenyataannya terhadap ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO ke-57 minggu lalu.

"Tidak ada apa-apa hendak ditambah. Itulah (siaran akhbar semalam) kenyataan saya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Semalam, dalam kenyataan dua perengannya, Mukhriz melahirkan rasa kesal berikutan kenyataannya itu dan menjelaskan beliau tidak berniat untuk menyinggung perasaan mana-mana pihak terutama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden parti.

Reaksi itu bagaimanapun menimbulkan rasa tidak puas hati sesetengah pihak yang bertegas bahawa anak bekas Perdana Menteri itu harus meminta maaf terhadap apa yang telah dilakukannya sebelum ini.

Exco Pemuda, Datuk Reezal

Merican Naina Merican berkata, kekesalan yang dilahirkan oleh Mukhriz tidak menjawab persoalan sebab atau punca utama beliau berbuat demikian.

"Mukhriz sepatutnya secara jujur menjelaskan sebab beliau mengatakan tiada perkara baru dalam ucapan dasar Presiden UMNO. Setakat melahirkan rasa kesal, ia tidak menceritakan apa-apa," kata beliau semalam.

Pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Mukhriz dilaporkan oleh sebuah akhbar berbahasa Inggeris mendakwa tiada perkara baru dalam ucapan dasar Presiden.

Mukhriz dipetik sebagai berkata: "Saya rasa ucapan (Presiden) itu telah disampaikan tahun lalu. Saya mengharapkan ada perkara baru. Mungkin dia (Abdullah) ada idea lain."

Ekoran kenyataan itu, banyak pihak khususnya pemimpin UMNO membidas tindakan Mukhriz mengkritik ucapan dasar Presiden kerana ia dianggap mempersoalkan kewibawaan Abdullah.